

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : MASALAH PENGUATKUASAAN TONG SAMPAH**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap premis perniagaan yang beroperasi tanpa tong sampah?
- b) Mampukah Kerajaan Negeri membekalkan tong sampah kepada Majlis Perbandaran yang tidak mempunyai bajet?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Setiap PBT di Negeri Selangor telah menetapkan syarat penyediaan tong sampah dalam permohonan lesen. PBT boleh mengenakan tindakan kompaun kepada pemilik premis di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007 terhadap premis perniagaan yang beroperasi tanpa tong sampah dan Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007 iaitu gagal menyediakan tong sampah yang mencukupi seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Bermula tahun 2015 sehingga tahun 2017, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pemberian tong sampah secara percuma dengan jumlah sebanyak RM5,368,400.00 sebagai projek perintis kepada PBT Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga yakin bahawa Majlis Perbandaran mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk membekalkan tong sampah kepada setiap rumah di kawasan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PRESTASI KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN OLEH KDEB**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan setakat ini bagaimanakah prestasi kerja-kerja pembersihan oleh KDEB?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi KDEBWM sentiasa dipantau dari masa ke semasa oleh PBT. Indikator utama yang digunapakai oleh PBT bagi menilai prestasi KDEBWM adalah jumlah aduan dan juga Notis Tindakan Pembetulan (NTP) yang telah dikeluarkan. Prestasi KDEBWM akan dibentangkan dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang diadakan oleh PBT pada setiap bulan. Secara umumnya, prestasi KDEBWM adalah baik. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh KDEBWM dari masa ke semasa di beberapa PBT. Difahamkan KDEBWM juga telah menamatkan kontrak perkhidmatan beberapa sub-kontraktornya yang didapati telah gagal menunjukkan prestasi yang baik di lapangan. Ini menunjukkan bahawa KDEBWM sentiasa serius dan tidak akan berkompromi dengan aspek prestasi kerana ia merupakan cerminan kepada imej KDEBWM dan juga Kerajaan Negeri. KDEBWM juga sentiasa mengalu-alukan pandangan dan komen yang membina dari semua pihak bagi memastikan mutu perkhidmatan khususnya pembersihan awam berada pada tahap yang paling optimum dan terbaik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : MISKIN BANDAR**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kajian oleh UNICEF baru-baru ini telah mendapati kanak-kanak di kawasan bandar yang berpendapatan rendah mengalami tumbesaran yang terbantut. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor terhadap laporan ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : MENINGKATKAN PURATA PENDAPATAN ANAK MUDA**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Selangor untuk menambahbaik keadaan ekonomi anak muda termasuk meningkatkan purata pendapatan mereka?
- b) Sejauh manakah keberkesanan usaha-usaha tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda. Ini termasuklah dalam membantu meningkatkan pendapatan anak muda di Negeri Selangor.

Berdasarkan data dari Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES), populasi belia di Negeri Selangor merangkumi hampir separuh daripada populasi rakyat negeri Selangor yang berjumlah seramai 6 juta orang.

<b>Umur</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
15-30	1,601,700 orang	1,558,400 orang
30-40	3,118,700 orang	2,953,900 orang
<b>Jumlah</b>	<b>4,720,400 orang</b>	<b>4,512,300 orang</b>

*Sumber: Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES)*

Sementara itu, data dari Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) pula menunjukkan kadar pengangguran yang dicatatkan di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i. 2016 (3.2%)
- ii. 2017 (2.8%)
- iii. 2018 (2.8%)

*Sumber: Jabatan Statistik Malaysia*

Sehubungan itu, antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda adalah seperti berikut:-

**i. Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan program Karnival Kerjaya (*Job Fair*) secara berkala (2 kali setahun). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Jobs Malaysia bermula pada tahun 2014.

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menganjurkan program berskala mega buat julung kalinya iaitu Selangor Mega *Job Fair*. Penganjuran program ini telah melibatkan sebanyak 210 syarikat swasta terpilih yang mengadakan temuduga terbuka (*walk in interview*) selain 20 Agensi/ Jabatan Kerajaan turut terlibat menjayakannya. Melalui penyertaan syarikat swasta dan agensi terlibat, sekitar 12,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan termasuklah oleh 20 majikan yang turut menawarkan peluang ini kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Hampir 20,739 pengunjung mendapat manfaat melalui program ini. Jumlah permohonan yang berjaya mendapatkan tawaran pekerjaan pada hari tersebut ialah seramai 3,497 orang. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 8,493 orang.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia terutamanya selain membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing.

**ii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional**

Bagi belia yang kurang berkemampuan namun ingin meneruskan pembelajaran walaupun tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional yang dibiayai berdasarkan kelayakan pemohon.

**iii. Program Latihan Kemahiran Keusahawanan atau KPS *Entrepreneurship Development Programmes* yang dilaksanakan oleh Kumpulan Peransang Selangor Berhad**

Program Latihan Keusahawanan KPS telah dilaksanakan untuk menangani isu pengangguran dan menggalakkan para peserta untuk meningkatkan keyakinan terhadap keusahawanan dan memulakan perniagaan berskala kecil atau meningkatkan daya saing mereka dalam perniagaan yang telah dijalankan.

Program-program latihan ini terbuka kepada peserta yang tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan atau isi rumah berpendapatan rendah atau mereka yang tinggal di bawah garis kemiskinan (RM1,500 setiap rumah tangga sebulan). Pada tahun 2019, KPS telah memperuntukkan sebanyak RM471,278.00 untuk menganjurkan lima jenis program keusahawanan dan program ini telah melibatkan seramai 143 peserta dari sembilan daerah di Selangor. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan peserta dan seterusnya meningkatkan status sosioekonomi kumpulan sasaran.

Antara program yang disediakan adalah seperti :

- i. Home Care for Elderly (Caregiver) – Pusat Jagaan Orang Tua;
- ii. Perkhidmatan selepas bersalin (postnatal);
- iii. Latihan Penternakan;
- iv. Program Latihan Ekspert (Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE)); dan
- v. Program Pemberdayaan Wanita

#### **iv. Lain-lain Program di Bawah Agensi**

##### **a) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)**

###### **• Program Perintis Usahawan (PPU)**

Program Perintis Usahawan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (dulu dikenali sebagai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Enam (6) buah sekolah rendah telah terlibat sejak dimulakan pada tahun 2007.

###### **• Program Tunas Niaga (PROTUNe)**

Dalam membudayakan usahawan muda yang berjaya dan berpengetahuan, Program Tunas Niaga (PROTUNe) telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 1998 oleh

Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MECD).

- **Program Usahawan Siswazah (GROW)**

Program Usahawan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 dengan memberi fokus kepada latihan dan pembudayaan yang menasarkankan mahasiswa di lapan (8) institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM);
- ii. Universiti Putra Malaysia (UPM);
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- iv. Universiti Industri Selangor (UNiSEL);
- v. INSPENS International College;
- vi. Kolej Universiti Selangor (KUIS);
- vii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan
- viii. City University (City U)

**b) Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani**

Kerajaan Negeri menggalakan penglibatan Generasi Muda dalam Sektor Pertanian dan memperkasakan usahawan-usahawan Generasi Muda yang telah pun memulakan Projek-projek Pertanian.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai Program untuk Generasi Muda yang berminat menceburi sektor pertanian sebagaimana antaranya :-

- a) Program Agropreneur Muda / Petani;
- b) Program Bantuan Peralatan Pertanian; dan
- c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : JALAN ALTERNATIF MENGHUBUNGGKAN KAMPUNG BARU SUNGAI  
BULOH DAN SEKSYEN U5**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah jalan tersebut akan dibina memandangkan keperluan laluan lalulintas sangat mendesak oleh penduduk sekitar?

**JAWAPAN:**

**MAJLIS BANADARAYA SHAH ALAM**

- a) Merujuk kepada Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 3) 2020 yang telah diwartakan pada 16 Februari 2020 melalui no. warta 645, pembangunan di kawasan seksyen U5 telah mempunyai rangkaian jalan yang boleh dihubungkan melalui Jalan Sungai Buloh, Lebuhraya Koridor Guthrie dan Lebuhraya yang dalam pembinaan iaitu Lebuhraya Damansara Shah Alam (DASH). Manakala kawasan Kampung Baru Sungai Buloh adalah melalui Jalan Sungai Buloh sahaja.

Walau bagaimanapun terdapat rangkaian jalan alternatif iaitu Persiaran Atmosfera yang dihubungkan dari Lebuhraya Koridor Guthrie sehingga ke Jalan Sungai Buloh melalui pembangunan Elmina (Seksyen U16), Subang Bestari (Seksyen U5), Subang Delima (Seksyen U4) dan Kwasa Damansara (Seksyen U4) sekiranya siap sepenuhnya kelak akan dijadikan sebagai laluan alternatif yang baru. Jangkaan Persiaran Atmosfera ini siap sepenuhnya adalah bergantung kepada pembangunan di kawasan baru iaitu Kwasa Damansara dan Subang Delima.

**JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR**

- a) Jalan alternatif yang dimaksudkan adalah Jalan Teratai 4, Seksyen U5 yang berhubung dengan Jalan Industri 5, Kg. Baru Sg. Buloh melalui sebuah jambatan yang dibina oleh Pengilang Alfa Sofas yang mana jambatan tersebut telah roboh. Walau bagaimanapun, terdapat jalan lain yang menghubungkan dua kawasan ini. Antaranya adalah dengan menggunakan Jalan Khalifah Zakaria 2, Jalan Tempayan Emas 1 dan Jalan Teratai dengan jarak 5 km. Selain itu, penduduk sekitar juga boleh menggunakan Jalan Rahidin, Jalan Paya Jaras Tengah dan Persiaran Delima dengan jarak 7 km.



Sehingga hari ini, pihak JKR Selangor tiada perancangan untuk membina semula jambatan tersebut selepas mengambil kira saiz jalan yang kecil dan melalui kawasan kampung. Jalan ini sentiasa digunakan sebagai laluan kenderaan berat.

Walau bagaimanapun, pihak JKR Selangor akan membuat kajian terhadap keperluan untuk membina semula jambatan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KESATUAN SEKERJA**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah Kerajaan lakukan untuk mempromosi pergerakan Kesatuan Sekerja di kalangan kaum pekerja dan majikan di Selangor dalam Kontek Konvensyen ILO 87 dan 98?

**JAWAPAN:**

- a) Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah melakukan pelbagai usaha dan langkah dalam melakukan promosi pergerakan kesatuan sekerja di kalangan pekerja dan majikan di Selangor. Ianya dirangka khusus dalam memastikan semua pekerja dan majikan di peringkat nasional amnya dan Negeri Selangor khususnya mendapat manfaat daripada program-program tersebut.

Kerajaan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen 98 di mana melalui ratifikasi ini, pekerja-pekerja memperoleh faedah sebagaimana pekerja-pekerja adalah bebas untuk menubuhkan persatuan dan mempunyai hak untuk mengadakan perundingan kolektif bersama majikan. KSM melalui JHEKS juga sedang dalam proses meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) supaya ianya selari dengan keadaan semasa serta mengambil kira prinsip-prinsip Konvensyen 87.

Dalam konteks ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta 262, JHEKS dalam masa yang sama tidak menghalang mana-mana pekerja untuk menubuhkan sesebuah kesatuan sekerja atau menyertai dan menjadi ahli mana-mana kesatuan sekerja. Selain daripada Akta 262, hak-hak berkesatuan juga ada dinyatakan dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Antara program yang telah dirancang atau telah dilaksanakan bagi tahun 2019 dan 2020 di negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Kursus Pengurusan Kesatuan Sekerja Siri 1 pada 6-7 April 2019 di PKNS Shah Alam, Selangor.
- ii. Seminar Kesedaran Berkesatuan Bersama Graduan Siri 1 pada 8 April 2019 di ADTEC Shah Alam, Selangor.
- iii. Kursus Pengurusan Kesatuan Sekerja Siri 2 pada 25-26 Julai 2019 di Hotel Carlton, Shah Alam Selangor.

- iv. Taklimat Pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 bersama pekerja dan majikan pada 22 Ogos 2019 di CIAST Shah Alam, Selangor.
- v. “Ke Arah 1 juta Keanggotaan 2020”, Program Kesedaran Berkesatuan Bersama Graduan & Pelajar-Pelajar ADTEC Shah Alam pada 3 Mac 2020.

Bagi tahun 2020, terdapat beberapa program yang telah dirancang untuk dilaksanakan di negeri Selangor seperti berikut:-

- i. Program Promosi Ke Arah 1 juta Keanggotaan Kesatuan Sekerja Tahun 2020.
- ii. Program Outreach Bersama Pekerja, Kesatuan Sekerja, Pelajar, Pelatih Dan Mahasiswa.
- iii. Seminar Program Labour Enrichment and Professionalisme (LEAP)
- iv. Taklimat Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (GPKS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PESERTA ZAKAT**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisma yang digunakan untuk memastikan bahawa penerima yang layak sahaja menerima zakat dapat dikenalpasti ?
- b) Apakah jenis-jenis bantuan zakat serta kelayakan yang dikenakan keatas pemohon ?
- c) Mohon senarai nama-nama peserta serta bantuan zakat secara terperinci untuk penduduk DUN Kota Damansara N39.

**JAWAPAN:**

- a) Bagi mengenal pasti penerima bantuan zakat layak untuk menerima bantuan zakat, LZS menggunakan beberapa mekanisme. Antaranya:
  - i. Menjalankan siasatan di lapangan bagi memastikan maklumat yang diberikan adalah benar.
  - ii. Semakan maklumat dengan merujuk kepada penolong amil kariah yang dilantik oleh LZS.
  - iii. Permohonan perlu mendapat pengesahan daripada ketua masyarakat (penghulu/ketua kampung/Nazir Masjid).
  - iv. Bagi permohonan kelayakan asnaf fakir dan miskin di Selangor, pemohon akan dibanci melalui pengiraan Had Kifayah isi rumah. Had Kifayah merujuk kepada suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu mahupun sesebuah keluarga.
- b) Untuk makluman, LZS mempunyai 158 jenis bantuan yang disusun melalui lima program pembangunan utama iaitu:
  - i) Program Pembangunan Sosial
  - ii) Program Pembangunan Ekonomi
  - iii) Program Pembangunan Pendidikan
  - iv) Program Pembangunan Institusi Agama
  - v) Program Pembangunan Insan

Setiap bantuan tertakluk syarat dan kelayakan berdasarkan kepada Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat yang sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

- c) Untuk makluman LZS tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA). Sehubungan itu, agensi kerajaan yang ingin mendapatkan data / maklumat asnaf perlu mengemukakan permohonan secara rasmi kepada LZS dengan menyatakan tujuan data tersebut diperlukan.

Berikut merupakan jumlah asnaf fakir, miskin dan mualaf bagi Dun Kota Damansara:

**JUMLAH ASNAF FAKIR, MISKIN DAN MUALAF  
DUN KOTA DAMANSARA BAGI TAHUN 2019**

<b>Asnaf</b>	<b>Jumlah</b>
Fakir	279
Miskin	756
Mualaf	122
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,157</b>

**\*JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF DAN JENIS BANTUAN DUN KOTA DAMANSARA BAGI TAHUN 2019**

JENIS BANTUAN	FAKIR		MISKIN		MUALLAF		GHARIM		FISABILILLAH		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
Bantuan Kewangan Bulanan	294	1,385,550.00	500	2,405,000.00	46	147,400.00	0	-	0	-	840	3,937,950.00
Bantuan Makanan Bulanan	119	58,797.40	164	90,505.20	0	-	0	-	0	-	283	149,302.60
Bantuan Sewa/Ansuran Rumah	41	209,300.00	129	682,210.00	17	94,026.00	0	-	0	-	187	985,536.00
Bantuan Bina/Beli Rumah/Baki Akhir	1	10,090.64	15	88,140.00	0	-	0	-	0	-	16	98,230.64
Bantuan Baik Pulih Rumah	1	7,007.00	1	3,260.00	0	-	0	-	0	-	2	10,267.00
Bantuan Kecemasan	125	194,558.00	322	561,845.65	24	33,542.00	0	-	283	38,700.00	754	828,645.65
Bantuan Ramadan & Hari Raya	263	146,610.00	795	436,210.00	84	29,440.00	0	-	0	-	1,142	612,260.00
Bantuan Dialisis	6	83,935.00	9	94,354.00	0	-	39	764,648.80	0	-	54	942,937.80
Bantuan Perubatan	29	150,692.40	57	140,349.80	0	-	120	827,205.90	0	-	206	1,118,248.10
Bantuan Keperluan Pendidikan Sekolah	387	205,749	1,397	754,883	11	5,570	0	0	0	0	1,795	966,202
<b>JUMLAH</b>	<b>1,266</b>	<b>2,45,289.44</b>	<b>3,389</b>	<b>5,256,757.65</b>	<b>182</b>	<b>309,978.00</b>	<b>159</b>	<b>1,591,854.70</b>	<b>283</b>	<b>38,700.00</b>	<b>5,279</b>	<b>9,649,579.79</b>

\*Nota : i. Data belum diaudit. ii. Terdapat penerima yang menerima lebih daripada satu jenis bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : TANAH KOMPLEKS SUKAN-SEKSYEN 10 KOTA DAMANSARA**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tanah tersebut yang pada asalnya adalah bertujuan untuk kompleks sukan?
- b) Adakah sebarang rancangan Kerajaan untuk menggantikan tanah tersebut di kawasan N39 Kota Damansara?

**JAWAPAN:**

- a) Tanah tersebut merupakan tanah bermilik oleh Kerajaan Negeri kepada PKNS bagi tujuan kompleks sukan seluas 9.45 ekar. Walau bagaimanapun, status syarat nyata tanah tersebut adalah bangunan perniagaan dan berada di dalam kawasan zon gunatanah perniagaan. PKNS telah pun melaksanakan proses pembidaan bagi tanah tersebut dan pihak yang berjaya adalah Sunway PKNS Bhd.

PKNS kini sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan perjanjian dengan Sunway PKNS Bhd. Cadangan komponen pembangunan bagi tanah ini ialah (i) 0.75 ekar untuk pembinaan kompleks sukan; (ii) 3 ekar untuk pembinaan sekolah agama; dan (iii) 5.7 ekar untuk pembinaan bangunan perniagaan.

- b) Tiada maklumat berkenaan isu penggantian tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : 292 KESATUAN SEKERJA DI SELANGOR**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci nama penuh kesatuan, alamat, AJK dan jumlah ahli kesatuan sekerja.
- b) Jumlah pertikaian perusahaan setiap kesatuan dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

**JAWAPAN:**

- a) Jadual : Senarai Nama Penuh, Alamat, AJK dan Jumlah Kesatuan Sekerja Ahli adalah seperti di Lampiran A.
- b) Pertikaian perusahaan atau “trade dispute” ditakrifkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) sebagai suatu pertikaian di antara majikan dengan pekerja-pekerjanya yang berhubung kait dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan atau keadaan tempat pekerjaan.

Pertikaian perusahaan akan wujud apabila kedua-dua pihak iaitu majikan atau kesatuan mereka dan pekerja atau kesatuan sekerja mereka gagal mencapai persetujuan bersama terhadap isu-isu pekerjaan atau bukan pekerjaan. Kedua-dua pihak boleh menfailkan aduan pertikaian di bawah Seksyen 18 Akta 177.

Jumlah kes pertikaian perusahaan yang difailkan di bawah Seksyen 18 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2015 hingga 2019 bagi negeri Selangor adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES DITERIMA</b>
2015	57
2016	68
2017	67
2018	86
2019	55



**LAMPIRAN A**

BIL	NAMA KESATUAN	ALAMAT	NAMA PEGAWAI			Jumlah Anggota
			Presiden	Setiausaha	Bendahari	
1	Kesatuan Pekerja Pekerja Awam Angkatan Tentera KESATRIA	No. 47A Tkt.1 Jalan SG 3/19, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor	Presiden : Ravindran a/l Maniam	Setiausaha : Syed Malik Faizal b. Syed Abdul Wahab	Bendahari : Azlan bin Rahim	3474
2	Kesatuan Pekerja Pekerja Pengangkutan Semenanjung Malaysia (TWU)	B-3-2-1, Blok B, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sungai Jernih 8/1, 46050 Petaling Jaya, Selangor.	Presiden : Abu Hassan	Setiausaha : Zainal Rampak	Bendahari : K. V. Kumar	4496
3	All Malayan Estate Staff Union (AMESU)	29-3, Jalan USJ 1/1A, 47620 Subang Jaya Selangor	Presiden : Jeya Pasker a/l Narayanan	Setiausaha : R. Jey Kumar	Bendahari : S.Gunaseelan	4271
4	Kesatuan Pekerja Pekerja Jabatan Pertanian Negeri Selangor	d/a Institut Pertanian Serdang Beg Berkunci 204, Pejabat Pos UPM, 43400 Serdang Selangor.	Presiden : K. Sivagnanasingam	Setiausaha : Atiqah Mohd Nassir	Bendahari : Padzlullah Suhaimi Ismail	97

5	Civil Aviation Air Traffic Control Services Union	Kompleks Menara Kawalan Trafik Udara, K.L. International Airport, 64000 KLIA, Selangor Darul Ehsan	Naib Presiden : Muhd Muzzafar	Setiausaha : Hasnida bt Kassim	Bendahari : Mohamad Yusri b. Mohd Ali	218
6	National Union of Plantation Workers (NUPW) Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang	428 A, B Jalan 5/46, Gasing Indah, 46000 Petaling Jaya	Presiden : Abdul Samad bin Yusoff	Setiausaha : Dato' Sankaran a/l Gopalan	Bendahari : Namanathan a/l Sunnamuthu	37914
7	Kesatuan Pegawai Pegawai Hutan Melayu Semenanjung Malaysia	No 69, Jalan 17 Desa Kaya, 52100 Kepong, 52100 Selangor.	Presiden : Ahmad Shuffir b Zakaria	Setiausaha : Hasmi b Hamidan	Bendahari : Shabudin b Ahmed	2615
8	Persatuan Guru-Guru Ugama Selangor (PEGUAM)	No. 24, Jalan Satu, Taman Padu Permai, 45300 Sg. Besar, Selangor	Presiden : Muhammad Ali b. Manjok	Setiausaha : Mohd Fazil b. Mohd Royani	Bendahari : Mohd Sobri b Ahyar	149
9	Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Dalam Perusahaan Kejuruteraan S. M'sia	20 Jalan Sungai Keramat 29, Taman Klang Utama, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan.	Yang Dipertua : Lee How Soon	Setiausaha : Fong Boon Wai	Bendahari : Ter Ah Seng	250
10	National Union of Petroleum And Chemical Industry Workers (NUPCIW)	11 - 13 Jalan 8/1E, P.O Box 57, 46700 Petaling Jaya, Selangor	Presiden : Omar bin Syed	Setiausaha : Nursyaidatul Akmal	Bendahari : Hatta b. Abdul Malek	7555

11	Union Of Beverage Industry Workers federation Of Malaya (UBIW)	d/a Carlsberg Brewery (M) Berhad, No. 55 Persiaran Selangor, 40200 Shah Alam, Selangor	Presiden : G. Dorasawamy a/l Govindasamy	Setiausaha : Awang Ibrahim	Bendahari : Moganakrishna n a/l Ratnam	543
12	Universiti Of Malaya General Staff Union (Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia)	No. 9, Jalan 16/10, 46350 Petaling Jaya.	Presiden : Hussin Asan	Setiausaha : Razak bin Darus	S/U Kew : Muhamad Azhar Juhari	1916
13	Chemical Workers Union Of Malaya	35 B, Jalan 15/4B, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya.	Presiden : Baharudin Yusuf	Setiausaha : Kamarajan a/l Patchaippan	Bendahari : Parthipan a/l Palanivel	1337
14	Non-Metallic Mineral Products Manufacturing Employees Union	No. 99A, Jalan SS 14/1, 47500 Subang Jaya, Selangor	Presiden : Raja Afandi b. Raja Ismail	Setiausaha : V. Veeramanie	Bendahari : Azizi bin Yusuf	4025
15	Metal Industry Employees Union Malaya	No 5 Lorong Utara Kecil, 46200 Petaling Jaya	Presiden : Shamsudin b Usop	Setiausaha : Jacob Eng Kak Soo	Bendahari : Mohd Azlan	7716
16	Kesatuan Pembantu Kesihatan Awam Semenanjung Malaysia	Lot 233, Jalan 3, Taman Ampang Indah, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor.	YDP : Hairuddin b. Mat Nusi	Setiausaha : Ahmad Zahari b. Zakaria	Bendahari : Ramli bin Jusoh	1074

17	Kesatuan Pekerja Pekerja Securicor (M) Limited	21- B Jalan Petaling Utama 6 Petaling Utama , 46000 Petaling Jaya , Selangor	Yang Dipertua : Ahmad b. Kulop Abdullah	Setiausaha : Rusdi b. Mahmud	Bendahari : Mohd Zawawi bin Mamat	237
18	National Union Of Newspaper Workers (NUNW)	43A-1 & 42-1, Petaling Utama Avenue, Jalan PJS 1/0 Taman Petaling Jaya Utama, 46000 Petaling Jaya.	Presiden : Vijaya Kumar a/l Govindasamy	Setiausaha : Ya Mohamad b. Mat Jali	Bendahari : Ravi Ramasamy	843
19	Kesatuan Pekerja- Pekerja Continental Tyre PJ Malaysia Sdn Bhd	No. 1F, Road No.2/38, Petaling Jaya , 46200 Selangor	Presiden : Azlan bin Aziz	Setiausaha : Johaimi b. Harun	Bendahari : Shafri nin Mohd Shafie	469
20	Kesatuan Pekerja Pekerja Perusahaan Letrik	55-2 Jalan SS. 15/8A 47500 Subang Jaya, Petaling Jaya, Selangor.	Presiden : Mohammad Hamdan b Dorhalim	Setiausaha : Mohd Ridzwan Rama b. Abdullah	Bendahari : Zairolakmar Haron	8845
21	Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Universiti Teknologi Mara	No. 932, Aras 3, Blok 9, Intekma Resort & Convention Centre, Persiaran Raja Muda, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor	Presiden : En. Zulkifli bin Mohamed	Setiausaha : Hashim Hassan	Bendahari : Siti Rafidah	3173

22	National Union of Transport Equipment and Allied Industries Workers	No. 30A, Jalan Utas A, Section 15, 40000 Shah Alam, Selangor	Presiden : Adnan bin Zainun	Setiausaha : En. Gopalkishnama/l Nadesan	Bendahari : Mohd Shahril Nizam Hazmi	8355
23	Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA	No. 933, Aras 3, Blok 9, Intekma Resort & Convention Centre, Pesiaran Raja Muda, Sek 7, 40000 S. Alam Selangor	Presiden : Dr. Normaly Kamal b Ismail	Setiausaha Ekse : Hiruoni Haslina bt Che Hassan	Bendahari : Dr. Rezianna bt Mohamed Kasim	2354
24	Kesatuan Kebangsaan Guru Guru Bahasa Malaysia, M'sia Barat	No. 4, Jalan Cempaka Wangi 26, Taman Cempaka, 42700 Banting Selangor	Yang Dipertua : Megat Md Salleh b Md Arshad	Setiausaha : Alias b Bd Ghani	Bendahari : Nasri B yunos	50
25	Kesatuan Kakitangan Am Universiti PUTRA Malaysia (KEPERTAMA)	Pejabat Kesatuan, Kesatuan Kakitanga Am Universiti Putra Malaysia, 43400 Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor	Presiden : Hj. Mohd Zailani Hj Abd Razak	Setiausaha : En. Noor Mohd Zin Mohd Naim	Bendahari : Zulkarnain Sharudin	2190
26	Kesatuan Pembantu Teknologi Makmal Perubatan dan Kesihatan	D/a Makmal Vektor Negeri Selangor, Blok C Bandar Botanik, Jalan Langat, 41200 Klang, Selangor.	Presiden : En. Rosli b Athan @ Atan	Setiausaha : Hashim b. Kasah	Bendahari : Koh Kia Swee	120

27	Kesatuan Pekerja Pekerja Di Dalam Kesatuan Sekerja	B-3-21 Blok B Pusat Perdagangan Seksyen 8, Jln Sg Jernih 8/1, 46060 Petaling Jaya.	Presiden : Elan Kovan a/l K. Kumarasamy	Setiausaha : Zuraidah bt Abd Majid	Bendahari : Rosmawati binti Haris	93
28	Kesatuan Pekerja2 Pembekal2 Perkhidmatan Sampingan Pelabuhan2 Kelang	No 8B, Tingkat Dua, Jalan Berangan, 42000 Perlabuhan Kelang	Presiden : Yahya b. Ibrahim	Setiausaha : En. Balasubramani am a/l Alagu	Bendahari : Gelli bt Saring	661
29	Kesatuan Pekerja Pekerja Perusahaan United Motor Works	UMW Corporation Sdn. Bhd, No. 10, Jalan Utas 15/7, Kawasan Perindustrian, Peti Surat 7052, 40915 Shah Alam.	Presiden : Japelus b Zainal	Setiausaha : Saiful Azmi b Abdul Rahman	Bendahari : Tajuwid bin Ahmad	3684
30	Kesatuan Pekerja2 Dalam Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Swasta	A-2-12, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg Jernih 8/1, 46050 Petaling Jaya, Selangor.	Presiden : En. Roszaini Rashid	Setiausaha : En. Krishnan Maruthamuthu	Bendahari : David a/l Ratnasamy	3308
31	Kesatuan Penghulu / Pengawa Semenanjung Malaysia	Balai Penghulu Mukim Batu, Jalan Sungai Tua, 68100 Batu Caves, Selangor.	Presiden : Ahmad Fuad bin Zainal Abidin	Setiausaha : Khaidir Azly	Bendahari : Mohd Nizar bin Abdullah	542

32	Kesatuan Kakitangan Am MARDI	Ibu Pejabat MARDI, Persiaran MARDI-UPM , Serdang, 43400 , UPM Serdang , Selangor	Presiden : Badrul Hisham b. Abu Bakar	S/U : Sarinawati Dewi bt Mohd Sabri	Bendahari : Sufyan Afzan b. Sabarudin	501
33	Persatuan Kakitangan Kanan Hospital Assunta (Assunta Hospital Senior Staff Association)	B-6-28, Blok B Pangsapuri Desa Sepakat, Taman Sri Manja, 46000 Petaling Jaya, Selangor.	Presiden : Sim Foy Moy	Setiausaha : Tam Mei Fong	Bendahari : Liew Sook Chip	83
34	Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia	Rumah Kesatuan, Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia, Wisma Kayu, 43600 UKM Bangi, Selangor	Presiden : Abdul Rahman b Mohd Nordin	Setiausaha : Zaiton bt Othman	Bendahari : Hj. Lokman b. Haji Mohamed	1275
35	Malaysian Airlines System Employees Union Peninsular Malaysia (MASEU)	No. 40-1, Jalan USJ 10/1E, Taipan 11, Subang Jaya, 47620 Petaling Jaya, Selangor	Presiden : Alias bin Aziz	Setiausaha : Hai Kamaruddin b. Abd Rashid	Bendahari : Mohd Zainal Abidin b. Kasim	6447
36	Kesatuan Pekerja Pekerja Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN)	Aras 3, Wisma LKIM, Jalan Desaria Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor	Presiden : Sarimah bt Mohd Sehak	Setiausaha : Mohamad Norizani Zulkifli	Bendahari : Norhayati bt Kasim	396

37	Continental Tyre PJ Malaysia Sdn. Bhd Management Staff Association	No. 4 Jalan Tandang, P.O. Box 66, 46050 Petaling Jaya	Presiden : Mohamad bin Yahaya	Setiausaha : Mohd Hanafiah b Puji	Bendahari : Tang Swee Peik	98
38	Foreign Airlines Employees Union Peninsular Malaysia	No. 35, Jalan BSE 4/14, Bandar Seri Ehsan (TG12) 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Abdul Rahman	Setiausaha : Krishnakumar a/l Shunmugam	Bendahari : Rajeswary K	182
39	Kesatuan Pekerja-Pekerja Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Lot G-01, Laman PKNS, No. 2, Jalan Indah, 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.	Presiden : Azhar Abdul Shukor	Setiausaha : Roslina bt Ahmad	Bendahari : Arshad b. Jaiman	425
40	Persatuan Kakitangan Eksekutif Sistem Penerbangan Malaysia	No. 4, Jalan SS 19/6, 47500 Subang Jaya, Selangor	Presiden : Ahmad Daniel Abdullah	Setiausaha : Kamarul Zaman b. Saisi	Bendahari : Lee Ah Teck	758
41	Kesatuan Kakitangan Petroliaam Nasional Berhad ( PETRONAS ) Semenanjung Malaysia (KAPENAS)	No. 41B, Tingkat 2, Jlan SG 3/10, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor	YDP : Rosman Zainuddin	S/u Agung : Shuhaimi Ismail	Bendahari Agung : Shahrul Afzan b. Isa	4679



42	Kesatuan Kakitangan SAPURA Holdings	Lot 598, Kawasan Perusahaan PKNS, Pandamaran, 42000 Pelabuhan Klang Selangor	YDP : Shukri Kassim	Setiausaha : Azmanuddin	Bendahari : Mohd Helmi	171
43	Kesatuan Pekerja Pekerja Kian Joo	Kian Joo Factory Can Factory Bhd, Lot 10 Jalan Perusahaan Satu, 68100 Batu Caves Selangor	Presiden : Khairunizam b. Musa	Setiausaha : Ismail bin Abdul Malik	Bendahari : Mohd Helmi b. Mohd Ali	297
44	Persatuan Pegawai- Pegawai HSBC Bank Malaysia Berhad Semenanjung Malaysia	No. 45, Jalan Inai 4, Bukit Beruntung, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	Presiden : Sharifah Azzurah Syed Tahir	Setiausaha : Norazuan Othman	Bendahari : Intan Rosazrina bt Mohd Nasir	268
45	Kesatuan Pekerja Pekerja Central Sugars Refinery	d/a Centrel Sugars Refinery Sdn. Bhd, Batu Tiga, 40000 Shah Alam	Yang Dipertua : Abdul Fairuz	Setiausaha : Thiyagarajan a/l Sathianathan	Bendahari : Mohd Jusoh Hassan	221
46	Kesatuan Kakitangan Northport (Malaysia) Bhd	No. 119C, Tingkat 3, Jalan Kem, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor	Presiden : Mohd Zaidi Sanusi	Setiausaha : Azlan b. Shahrome	Bend : Jamal b. Kamarudin	1672
47	Kesatuan Pekerja- Pekerja Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd	Persiaran Kuala Selangor, Seksyen 26, 40400 Shah Alam.	Presiden : Mohd Azmi b. Abu Bakar	Setiausaha : Nian Ahmad b. Shafiq Ahmad	Bendahari : Sumali b Panut	2661

48	Kesatuan Sekerja Kakitangan Sistem Televisyen (M) Bhd	Sri Pentas, No 3, Persiaran Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya	Presiden : Khairuzzaman b Mohamad	Setiausaha : Roslan bin Harun	Bendahari : Junaidah bt Harun	220
49	Kesatuan Pekerja-Pekerja Sin Chew Media Corporation Bhd.	19, Jalan Semangat, 46200 Petaling Jaya, Selangor.	Presiden : Wong Kian Chian	Setiausaha : The Kim Choo	Bendahari : Yam Siew Ping	321
50	Kesatuan Pekerja Pekerja Edaran Otomobil Nasional	EON Head Office Complex, No. 2, Persiaran Kerjaya, Taman Perindustrian Glenmarie, Seksyen Utara Satu, 40150 Shah Alam, Selangor	Yang Dipertua : Rozairi Zakaria b Jainudin	Setiausaha : Noreza Ellani Ismail	Bendahari : Nor Asmah Ali	5
51	Kesatuan Kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	Bgn FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang , 68100 Batu Caves, selangor	Presiden : Mohd Hamidi Salleh	Setiausaha : Rohayu Mohd Rasul	Bendahari : Siti Nurhazirah	1185
52	Kesatuan Kakitangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad	Lot 6, Tingkat 4, Wisma Ungku Aziz, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor.	Yang Dipertua : Mohd Adha Leman	Setiausaha : Che Rohana Ahmad	Bendahari : Norsyazwani	333

53	Kesatuan Kakitangan Bank Simpanan Nasional	Lot 71B-2A, Jalan Pandan Cahaya 2/5, Pandan Cahaya, 68000 Ampang, Selangor darul Ehsan.	Presiden : Mohd Azli bin Arshad	Setiausaha : Hisham b Hj Musa	Pen. Bendahari : Muhd Faizal bin Ariffin	1564
54	Kesatuan Pekerja2 Airod Sdn Bhd	No. 15-2, Tingkat 2, Jalan Dinar GU3/G, Taman Subang Perdana, Seksyen U3,40150 Shah Alam, Selangor	Presiden : Normaheydey Mohamed Torman	Setiausaha : Muhammad Fitri Amzah	Bendahari : Nor Mohd Azam bin Ishak	487
55	Kesatuan Pembantu Operasi Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia	No. 72A, Tingkat 1 Bangunan Yeoh Cheng Liam, Batu 1 ½ , Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Ramachandran a/l Muniandy	Setiausaha : Sivanesan Nottharan	Bendahari : Sharif bin Abd Rahman	1673
56	Kesatuan Pekerja Pekerja Malaysia Airport Berhad	Malaysian Airport Corporate Office, Persiaran Korporat KLIA, 64060 KLIA, Sepang.	Presiden : Hussin B sahar	Setiausaha : Mustakim Rukiman	Bendahari : Hassan Mizman	1692
57	Kesatuan Pekerja2 TAMURA Electronics (M) Sdn Bhd	Lot No. 1, Jalan SS8/6, Sungai Way, Free Industrial Zone, 47300 Petaling Jaya.	Presiden : Muhd Azman Ishak	Setiausaha : Sharifudin b. Abd Karim	Bendahari : Mohd Azizul Aiman	131

58	Kesatuan Pekerja Pekerja PHN Industry Sdn Bhd	Lot PT 75-77, Jalan 26/6, Kawasan Perindustrian Hicom, Seksyen 26, Peti Surat 7306, 40710 S. Alam	Yang Dipertua : Mohd Akashah b. Othman	Setiausaha : Shamsudin Abu Seman	Bendahari : Rosmimi Aida	413
59	Kesatuan Pekerja2 NIPPON Electrics Glass (M) Sdn Bhd	Lot 1-7 Lion Industrial Park, Persiaran Jubli Perak, 40706 Shah Alam	Presiden : Badrol Isam bin Talib	Setiausaha : Sunil Jeet Singh a/l Avtar Singh	Bendahari : Mohd Razid b. Siron	631
60	Kesatuan Pekerja Pekerja PERODUA	c/o Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd, Lot 1896 Sg Choh, Mukim Serendah, 48000 Rawang	Presiden : Hamizan bin Hamzah	Setiausaha : Mohd Khir b Mansor	Bendahari : Norizan bt Kamarudin	3191
61	Kesatuan Kakitangan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd	D/A Loji Pembersihan Air Sg. Rangkap, KM 19, Jalan Ipoh, Templer Park,48000 Rawang Selangor.	Presiden : Shamudin b Mohd Khalid	Setiausaha : Khairol Zaki B Abd Hamid	Bendahari : Mohd Fadhli	44
62	Kesatuan Pekerja2 PERODUA Sales Sdn Bhd	Perodua Automobil Centre Choh, 48009 Rawang, Selangor	Yang Dipertua : Azhar Ramzah b Noordin	Setiausaha : Norapizah Abd Aziz	Bendahari : Mohd Nazri b Husin	1449
63	Kesatuan Pekerja- Pekerja DELLOYD Industries (M) Sdn Bhd	Lot 33004 & 33005, Jalan Kebun Off Kg Jawa, 42450 Klang Selangor	Yg Dipertua : Norhisham b. Ismail	Setiausaha : Mohd Zamri b. Abu	Bendahari : Harmaniazura bt Ishak	197

64	Kesatuan Penyelia-Penyelia Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	Lot 439, Jalan 18/5, Taman Sri Serdang, 43300 Sri Kembangan, Selangor	Presiden : Yaakub bin Hj. Telaga	Pen.Setiausaha : Zaidi Harun	Bendahari : Alwi Kutty b Kunjalan	409
65	Persatuan Eksekutif Northport (Malaysia) Bhd	No. 4, Lorong Sri Damak 21, Tman Sri Andalas, 41200 Klang, Selangor.	Presiden : Lockman b Ahmad	Setiausaha : Azlan b. Basir	Bendahari : Mohd Noor B Hashim	52
66	Kesatuan Kakitangan Kakitangan FELDA Bulkurs Sdn Bhd	d/a Instolasi Felda P.Klang Jalan, Berembang, 42000 P. Klang	Presiden : Mohd Hafiy b. Hassan	Setiausaha : Mohamad Nazri b. Hssan	Bendahari : Azizah bt Baharudin	83
67	Kesatuan Kebangsaan Pelaut-Pelaut Semenanjung Malaysia	Pusat Pelaut Port Klang, No. 2, Jalan Depoh, 42000 Port Klang, Selangor.	Yang Dipertua : Mohamad b. Patmo	Setiausaha : Zaini b. Nordin	Bendahari : Mior Azman Zulkefli	120
68	Kesatuan Pekerja-Pekerja Plusliner Sdn Bhd	Depo Kajang, Bt. 1 1/2, Jalan Sungai Chua, P.O Box 3, 43007 Kajang Selangor	Presiden : Mohamed Shahidan	Setiausaha : Rozi	Bendahari : Mohd Shukri	174
69	Kesatuan Kakitangan Akademik Taylor's College Sdn Bhd	23, Jalan USJ 6/4F, 47610 Subang Jaya, Selangor.	Presiden : Wong Mei Ling	Setiausaha : Kang Yee Sun	Bendahari : Cin Kok Fui	84
70	Kesatuan Pekerja-Pekerja Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	No 6, Jalan Damai 1, Desa Sungai Merab 43000 Kajang, Selangor	Presiden : Naizullsham b. Ishak	Setiausaha : Abd Razak Dolmat	Bendahari : Mohd Junaidi Johari	2002

71	Kesat. Kakitangan Perbdn Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera	Kem Sungai Buloh, 47000 Sungai Buloh, Selangor	Presiden : Rosli b Lep	Setiausaha : Khalid b. Hj Bakar	Bendahari : Sariah binti Mohd Basiran	217
72	Kesatuan Kakitangan Eksekutif Industri Makanan Sem. Malaysia	No. 7, Jalan Satria 6, Off Jalan Tanjung, Taman Satria Batu 10, Kebun Bahru, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor.	Presiden : En. Mohd Hellmy b Ajis	Setiausaha : Suhazni@Sazli b. Rahim	Bendahari : Rozaki bin Mamat	88
73	Kesatuan Kakitangan Eksekutif Industri Minuman Sem. Malaysia (EIBU)	Bangunan NUPCIW, No. 11-13, Lorong 8/1E, P.O Box 57, 46700 Selangor.	Presiden : Kamalruzaman b Sanusi	Setiausaha : Rajamorganan a/l Narunan	Bendahari : Azman b. Wahab	323
74	Kesatuan Pekerja-Pekerja Omron (M) Sdn Bhd	Lot 15, Jalan SS 8/4, Sungei Way Free Industrial Zone, 47300 Petaling Jaya, Selangor	Presiden : Abdullah b. Mustaffar	Setiausaha : Mohd Firdaus Alias	Bendahari : Mohd Shahrul Nizam b. Rahmad	291
75	Kesatuan Pekerja-Pekerja Perodua Engine Manufacturing Sdn. Bhd	Lot 1896, Sg. Choh, Locked Bag 226, Mukim Serendah, 42000 Rawang	Presiden : Kamarudin b Mohemaed Yusof	Setiausaha : Muhd Khaddafi b Abu Osman	Bendahari : Khairul Anuar b Senit	432
76	Kesatuan Eksekutif Airod Sdn. Bhd	No. 49, Jalan SP 3/7 Seri Pristana, 47000 Sungai Buloh, Selangor.	Presiden : Kamarul Ariffin	Setiausaha : Syamsul Azwan Mustar	Bendahari : Mohd Hafiz b. Kosni	153

77	<b>Persatuan Pegawai-Pegawai Affin Bank Berhad (Affin Bank Berhad Officers Association)</b>	<b>22, Jalan SG 9/11, Taman Sri Gombak, 68100 batu Caves, Selangor.</b>	<b>Presiden : Mohd Rosli b. Abd Latif</b>	<b>Setiausaha : Kawnagaren Velu</b>	<b>Bendahari : Neol Andrew Philip</b>	<b>573</b>
78	<b>Kesatuan Eksekutif Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd</b>	<b>Wisma Ungku Aziz, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya , 47301 Petaling Jaya Selangor</b>	<b>Presiden : Hj Ahmad Adnan b Abdul Hanif</b>	<b>Setiausaha : Norhaniza Ishak</b>	<b>Bendahari : Wan Masni Wan Saipik</b>	<b>164</b>
79	<b>Kesatuan Pegawai Eksekutif Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Semenanjung Malaysia</b>	<b>Lot 17304 Jln Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor.</b>	<b>Presiden : Haji Rahim b. Omar</b>	<b>Setiausaha : Farahayati bt Mohd Hassan</b>	<b>Bendahari : Nik Aiza Nik Zakaria</b>	<b>365</b>
80	<b>Kesatuan Brahim's Sats Food Services (EUBS)</b>	<b>No. 11, Jalan Lagenda U2/8, Taman TTDI Jaya, 40150 Shah Alam, Selangor.</b>	<b>Yang Dipertua : Hanafiah b. Ramli</b>	<b>Setiausaha : Azrul b. Idris</b>	<b>Bendahari : Mohd Anuar b. Jamil</b>	<b>797</b>
81	<b>Kesatuan Pembantu Penguatkuasaan Bhg Industri Padi dan Beras, Kem. Pertanian Malaysia</b>	<b>No. 29, Jalan 11, Taman Harmoni, Seksyen 6, Bandar Teknologi Kajang, 43500 Semenyih, selangor.</b>	<b>Presiden : Zulkifli b. Ibrahim</b>	<b>Setiausaha : Saharuddin b. Abdullah</b>	<b>Bendahari : Che Kamarruzaman b. Che Mat</b>	<b>106</b>

82	Kesatuan Pekerja-Pekerja Fuji Seats (Malaysia) Sdn. Bhd	No. 6,Jln Jasmine 3, Kws Perindustrian Bukit Beruntung Sek BB 10, Bandar Bukit Beruntun, 48300 Rawang Selangor.	Yang Dipertua : Azman b. Mustaffa	Setiausaha : Abd Talib Hj Puri	Bendahari : Abdul Tahar b. Zahari	91
83	Kesatuan Pekerja-Pekerja Sapura Machining Corporation	No. 2-14, Pangsapuri Jasmine, Taman Desa Sentosa Fasa 2,Jln Jeras Jernang, 43650 Bandar Baru Bangi,Sel	Presiden : M. Fazil b. Abd Halim	Setiausaha : Abdul Samat	Bendahari : Ezwan Abd Hamid	186
84	Kesatuan Pekerja-Pekerja Dawama Sdn. Bhd	108 Blok 1, Jalan AU 3/34, 54200 Ampang/ Hulu Klang, Selangor Darul Ehsan.	Presiden :	Setiausaha : Mohd Fadel Yusof	Bendahari :	182
85	Kesatuan pekerja-Pekerja SME Aerospace (M) Sdn. Bhd	Lot 14643, Beg Berkunci No. 222, 47000 Sungai Buloh, Selangor	Yang Dipertua : Afiq Nur Siddiq	Setiausaha : Noralina bt Dahalan	Bendahari : Nor Shakila bt Moothi Khoofi	301
86	Kesatuan Pekerja-Pekerja Canon Opto (Malaysia) Sdn Bhd	No. 47Jalan Meru Indah 5, Taman Meru Indah, 42200 Kapar, Selangor	Yang Dipertua : Mustafa Khalif	Setiausaha : Rosdi b. Sani	Bendahari : Siti Fadzilah Yahya	1367
87	Kesatuan Pekerja-Pekerja Dipsol (M) Sdn Bhd	Lot 2133, Jalan Enggang Bt 9, Kebun Baru, 42500 Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor.	Yang Dipertua : Ahmad Mukromin Abdullah	Setiausaha : Lyliwati bt Basrin	Bendahari : Harzilawani Fadzir	63



88	Kesatuan Pekerja-Pekerja Swift Intergrated Logistic Sdn. Bhd.	Lot 23, Lebuah Sultan Muhamed 1, Kaw. Perusahaan PKNS Fasa 2, Bandar Sultan Suleiman, 42000 Pel. Klang	Presiden : Muhammad Hanafee b. Mohammad Nor	Setiausaha : Siti Faizah bt Ahmad Zainudin	Bendahari : Hartini binti Yahya	171
89	Kesatuan Kesatuan Pekerja2 AEON BIG (M) Sdn. Bhd	203, Blok 8, Jalan 4/2, Seksyen 4, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor	Presiden : Amri Ariffin Ahmad	Setiausaha : Afizah bt Mohd Yusof	Bendahari : Zulhazliza bt. Abdullah	116
90	Kesatuan Pekerja-Pekerja Dunham-Bush Industries Sdn Bhd	Lot 5755-6, Kidamai Industrial Park, Bukit Angkat, 43000 Kajang, Selangor	Presiden : Hamdan b. Kawi	Setiausaha : Suresh a/l Singaroo	Bendahari : Azman Mat Sah	99
91	Kesatuan Pekerja-Pekerja Anshin Steel Service Centre Sdn Bhd	Jalan Gergaji 15/14, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor	Presiden : Abd Majid b. Abd Hamid	Setiausaha : Mohd Ushairuddin bin Mohd Ishak	Bendahari : Roshaisikin Idris	40
92	Kesatuan Pekerja-Pekerja Anshin Precision Industries Sdn Bhd	No. 4, Tingkat 1, Blok Mawar, Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor	Presiden : Nathan a/l Narayanan	Setiausaha : Rosniza bt Ismail	Bendahari : ShaZainah	16

93	Kesatuan Kakitangan Am Universiti Industri Selangor (UNISEL) (KEKAL)	Pusat Pelajar, Universiti Selangor (UNISEL), Kampus Bestari Jaya, Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor.	Presiden : D'Nor Mohd Azahari b. Mohd Amin	Setiausaha : Mohd Azhar b. Zawawi	Bendahari : Noorul Azkhi bt Mohd Bajuri	116
94	Kesatuan Pekerja-Pekerja National Institute Of Occupational Safety And Health (NIOSH)	NIOSH Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Selangor.	Presiden : Amir Hamzah	Setiausaha : Marina bt Hj. Buyong	Bendahari : Yusliana Idris	74
95	Kesatuan Penolong Pegawai Undang - Undang Semenanjung Malaysia	Lot 3539, Jalan Jati, Kampung Melayu Subang, 40150 Shah Alam, Selangor				Tiada Maklumat Keanggotaan
96	Kesatuan Pegawai-Pegawai Standard Chartered Bank Malaysia Berhad Sem. Malaysia	27, Jalan Melati 23, Taman Sri Melati, 98100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Quah Quah Teong Keat	Setiausaha : Vincent Raj	Bendahari : Tan Sok Tin	89
97	Kesatuan Eksekutif Bank Pertanian Malaysia Berhad	B-GF-25 Apartment Taman Topaz, Jalan T1, 43000 Dengkil Selangor.	Presiden : Baharudin Shariff	Setiausaha : Zakaria bt Abdullah	Bendahari : Halimah Mohamad Shukor	543

98	Kesatuan Pembantu Penguatkuasa Pejabat Daerah/Tanah Negeri Selangor	No. 437/5, JKR Kuarters, Jalan Hospital, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor	Presiden : Mohd Anizam bin Moh Sakroni	Setiausaha : Irman Shah b. Mansor	Bendahari : Shahrul Nizam	Kes Tidak Aktif
99	Kesatuan Pekerja-Pekerja Amkor Technology Malaysia Sdn. Bhd	KM 15, Jalan Klang Banting, Telok Panglima Garang, 42507 Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Azmi bin Ripin	Setiausaha : Zawiyah bt Surip	Bendahari : Goh Huat Eng	1155
100	Kesatuan Pekerja-Pekerja Hitachi Electronics Products (M) Sdn. Bhd.	No. 12, Jalan Kemajuan, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Presiden : Gunalam Muthu	Setiausaha : Azizah bt Razali	Bendahari : Mohd Bahtiar b Rasidi	201
101	Kesatuan Eksekutif-Eksekutif Syarikat Perumahan Negara Berhad	B-04-02, Apartment Putra Laksamana, 68100 Batu Caves, Selangor	Presiden :	Setiausaha :	Bendahari :	Kes tidak Aktif
102	Kesatuan Eksekutif RHB Bank Berhad	B4-27 Pangsapuri Seri Jasa, Taman Sg Besi Indah, Off Jalan Balakong, 43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Ahmad Fauzi B Mohamad	Setiausaha : Muhammad Faizal b Basir	Bendahari : Abdul Malik B Hamzah	1891

103	Kesatuan Eksekutif Tenaga Cable Industries Sdn. Bhd	Lot 2, P/12, Seksyen 10, Bandar Baru Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Presiden : Muslim b. Sahari	Setiausaha : Nik Mohd Farid	Bendahari : Ahmad Zaid b. Che Akil	45
104	Kesatuan Pekerja-Pekerja SIRIM Berhad	No. 44, Jalan Idaman 8, Kampung Idaman, 42000 Pelabuhan Klang	Presiden : Jalaludin	Setiausaha : Aziz Jaafar Tuah	Bendahari : Che Rahimah	479
105	Kesatuan Pekerja-Pekerja Toyota Auto Body (Malaysia) Sdn. Bhd.	Toyota Auto Body (Malaysia) Sdn. Bhd, Lot 11, Persiaran Perusahaan, Seksyen 23, 40300 Shah Alam, Selangor.	Presiden : Muhamad' Asri bin Md Zen	Setiausaha : Nazri b. Rusli	Bendahari : Akashah Mohd Diah	193
106	Kesatuan Eksekutif PERODUA Engine Manufacturing Sdn. Bhd	No. 91, Jalan SR 2/1B, Saujana Rawang, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Mohd Said Sadali	Setiausaha : Mohd Aidil b. Mokhtar	Bendahari : Shahrin bin Bahaldin	115
107	Kesatuan Pekerja-Pekerja AOBA Electronics Co (M) Sdn. Bhd.	Lot 1817, Jalan Semenyih, Mukim Semenyih, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Muzir bin Baharuddin	Setiausaha : Suzana Mohd Shahari	Bendahari : S.Chinammah a/p Subramaniam	26
108	Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kapal Kabin Penerbangan Semenanjung Malaysia	A-5-9, Empire Tower SS 16/1, 47500 Subang Jaya.	Presiden : Ismail Nasaruddin	Setiausaha : Mohd Akram Osman	Bendahari : Mohamed Faruk Ab Hamid	1421

109	Kesatuan Eksekutif United Vehicles Industries Sdn. Bhd	No. 11, Jalan Khoo Kek Keng 1, Taman Kapar, 42200 Klang, Selangor Darul Ehsan	Presiden : Dhanasekar a/ Muniandy	Setiausaha : Amani binti Harun	Bendahari : Hishamsul bin Ludin	5
110	Kesatuan Eksekutif PERODUA Manufacturing Sendirian Berhad	Blok L-1-66 Apartment Teratai, Taman Bunga Raya, 48300 Bukit Beruntung, Rawang, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Shahrom b. Zainuddin	Setiausaha : Redzuan Omar	Bendahari : Wan Chek Bongsu b. Majid	Tiada maklumat keanggot aan
111	Kesatuan Pekerja- Pekerja Nanyang Press Holdings Berhad	2nd Floor, Nanyang Siang Pau, Building, No. 1, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Lee Chee Lie	Setiausaha : Lee Kah Meng	Bendahari : Lew Tyan Yee	90
112	Kesatuan Pekerja- Pekerja Mitsui Copper Foil (Malaysia) Sdn. Bhd.	d/a Mitsui Copper Foil (Malaysia) Sdn. Bhd, No. 1C, Persiaran Kuala Langat Seksyen 27, 40400 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Norhalim b. Mahmud	Setiausaha : Mohd Rizal b. Mahat	Bendahari : Haizerun Hashim b. Hussein	443
113	Kesatuan Eksekutif Canon Opto (Malaysia) Sdn. Bhd.	No. 306, Blok 8, Jalan 19/3, Seksyen 19, 40300 Shah Alam.	Presiden : Saiful Bahari Zakaria	Setiausaha : Abd Nasir Ismail	Bendahari : Azmi b. Sambah	206

114	Kesatuan Pekerja-Pekerja Spirit Aerosystem Sdn. Bhd	3325E, Jalan Tembusu Kampung Melayu, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Mohd Baharudin b. Md Saleh	Setiausaha : Md Firuz Mohd Nasir	Bendahari : Nor Hidayah Mohamad	Kes tidak Memberi Maklumat Keanggotaan
115	Kesatuan Pekerja-Pekerja Kapar Energy Ventures Sdn. Bhd.	Stesyen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Beg Berkunci 220, 42200 Kapar, Selangor.	Presiden : Muhamad Ezhar b. Kamaluddin	Setiausaha : Khairil Fazlee b. Saim	Bendahari : Mohd Azdi b. Azlan	182
116	Kesatuan Eksekutif Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Berdaftar	No. 5, Jalan PJS 2D/15D, Taman Medan, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Mohd Fakryzan Subkhi	Setiausaha : Syuaib Mat Hashim	Bendahari : Ahmad Mustafa	70
117	Kesatuan Pekerja-Pekerja Universiti Tenaga Nasional Sdn. Bhd.	UNITEN, Jalan Ikram Uniten, 43000 Kajang, Selangor.	Presiden : Mohd Helmi b. Zainal Abidin	Setiausaha : Mohd Samsul b. Isman	Bendahari : Mohd Firdaus b. Hamdan	212
118	Kesatuan Pekerja-Pekerja Ingress Technologies Sdn. Bhd.	d/a Ingress Technologies Sdn. Bhd, Lot 11, Jalan Jasmine 4, Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung, 48300 Rawang, Selangor	Presiden : Hamzah b. Othman	Setiausaha : Norhaskuan b. Wan Hussin	Bendahari : Husnilasma bt Hanif	265

119	Kesatuan Pekerja-Pekerja Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (2012)	No. 9B, Jalan Sg <sup>3</sup> / <sub>4</sub> , Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Salehudin b. Sharif	Setiausaha : Omar bin Salim	Bendahari : Rozita Abu Bakar	1687
120	Kesatuan Kakitangan Skim Perkhidmatan Pereka Dalam Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia.	B-11-06 Casariana Apt. Persiaran Puncak Jalil, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Nik Zulkifli b. Nik Hitam	Setiausaha : Soffiafulliana bt Ahmad Fuat	Bendahari :	5
121	Kesatuan Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Berhad	SRI PENTAS, NO 3 PERSIARAN BANDAR UTAMA , BANDAR UTAMA, 47800 , Petaling Jaya , SELANGOR	-	S/U : Shahrul Azman Sharip	Bendahari : Ahmad Shukran	355
122	Kesatuan Pekerja-Pekerja SMK Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 15, Jalan Perusahaan 1, Kawasan Perindustrian Beranang, 43700 Beranang, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Yusnita bt Yunan	S/U : Nurul Izzaty bt Azmi	Bend : Nor Asnita bt Shaffee	294
123	Kesatuan Pekerja-Pekerja Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi MARA Berhas	No. 52, Jalan Istiqamah, Kampung Sri Langkas Tambahan, Batu 13, 47100 Puchong, Selangor.	-	S/U Penaja : Mohd Shukri Saidin	-	Tiada Maklumat Keanggot aan

124	Kesatuan Pengurus-Pengurus Aeon Big (M) Sdn. Bhd	B12-4, Apartment Subang Permai, 47500 Subang Jaya, Selangor	-	S/U Penaja : Nazri b. Yusof	-	38
125	Kesatuan Pekerja-Pekerja Pesaka Nuri Sdn. Bhd.	Lot 1403, 1406 & 1409, Batu 29, Jalan Ipoh, 44300 Batang Kali, Selangor Darul Ehsan.	Presiden :Mohd Hamdan Hisam b. Razak	Setiausaha : Mustakimi b. Muhamad	Bendahari : Noor Suhani bt Ahmad Idris	81
126	Kesatuan Eksekutif-Eksekutif Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd.	Loji Pembersihan Air Rantau Panjang Baru, Jalan Rawang, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Mahadzir b. Ahmad Nadzri	S/U : Aripin b. Wagiman	Bendahari : Norfarizan	89
127	Kesatuan Kakitangan Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Berdaftar	No. 17, Jalan SP 1/1, Taman Subang Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.	Presiden : Mohd Firdaus Hassan	Setiausaha : Humaira bt. Johari	Bendahari : Mohalim b. Isman	Kes tidak aktif tiada maklumat dari mula pendaftaran
128	Kesatuan Pekerja-Pekerja APM Coporate Services Sdn. Bhd.	APM Automotive Holdings Berhad, Lot 600 Pandamaran Industrial Estates, 42009 Port Klang, Selangor.	Presiden : Wan Mohd Zuhan	Setiausaha : Saluah bt Mohd Yunus	Bendahari : Mohd Aswan b. Abd Aziz	615



129	Kesatuan Kebangsaan Pemandu-Pemandu Tren Semenanjung Malaysia	11 Jalan Spektrum U16/16A, Taman Bukit Subang, 40160 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Badrul Khuzaini	S/U : Johari bt Mat Lazim	Bendahari : Tuan Azru b. Tuan Mohamad	Tiada Maklumat
130	Kesatuan Pekerja-Pekerja Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd.	No. 12, Jalan Jurunilai U1, Hicom Glenmarie Industries Park, 40150 Shah Alam, Selangor.	Presiden : Rikimasswandi b. Khaidir	Setiausaha : Samsul b. Hamid	Bendahari : Lim Chein Siang	28
131	Kesatuan Pekerja-Pekerja Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd.	Beg Berkunci 224, Rawang, 48009, Selangor Darul Ehsan.	Presiden : Muhammad Amirulhadi bin M. Zawawi	Setiausaha : Mohd Fathrul Fadzi b. Ahmad	Bendahari : Siti Khadijah bt Jamaluddin	1771
132	Kesatuan Pekerja-Pekerja JTEKT Automotive (Malaysia) Sdn. Bhd.	d/a JTEKT Automotive (Malaysia) 8/B, Lot 24, Jalan Delima 1/3, Subang Hicom Industrial Park, Batu 3, 40000 Shah Alam.	-	S/U : Norfazrin bt Bedu	-	22
133	Brahim's Food Services executive union Sdn. Bhd	No. 25, Jalan Bunga Raya 12, Taman Bunga Raya, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor	Presiden : Zulmat b. Zainal Abidin	S/U : Mohd Radzi b. Tajudin	Bend : Sivanyanam a/l Neelakandan	Kes tidak memberi maklumat keanggotaan

134	Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Dalam Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia	No. 11, Jalan Warisan Bestari 9, Taman Warisan Bestari, 43800 Dengkil, Selangor.	Presiden : Siti Aishah Zanariah	S/U : Nor Azilah Zainal Abidin	Bend : Hairulnizam Yusoffn	Kes tidak memberi maklumat keanggotaan
135	Kesatuan Kakitangan Jabatan Kimia Semenanjung Malaysia	Jabatan Kimia Malaysia, Jalan Sultan, 46661 Petaling Jaya, Selangor.	Presiden : Ahmad Fuad bin Abdullah	S/U :	Bend : Roslina b. Abd Malik	Kes tidak memberi maklumat keanggotaan
136	Kesatuan Pekerja-Pekerja Ayamas Food Corporation Sdn. Bhd.	No. 67, Jalan 8, Pandamaran Jaya, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor.	Presiden : Mohd Lot b. Abd Ghani	S/u : Suhaimi Kadir	-	Kes Baru
137	Kesatuan Eksekutif-Eksektif Epson Precision Malaysia Sdn. Bhd	No.67, Jalan 224/51A, 46100 Petaling Jaya.	Preside : Ramalingam Thanabalasingam	S/U : Syed Murad b. Syed Nordin	Bendahari : Mohd Rizal b. Mohd Patoni	117
138	Persatuan Kesatuan Pekerja Industri Automotif Malaysia	B1-1-5, Jalan Rawang Putra, Bukit Rawang Putra, 48000 Rawang Selangor.	Presiden : Kamaruddin b. Mohammad Yusof	S/U Agung : Mohd Khir b. Mansor	Bend : Khairul Anuar b. Senit	Tiada maklumat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : BANTUAN PEKERJA DAN BEKAS PEKERJA LADANG (N39)**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci seperti nama, IC dan alamat penerima bantuan tersebut untuk DUN Kota Damansara N39.
- b) Apakah bentuk bantuan yang telah atau sedang diterima?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor, tiada bantuan diberikan kepada pekerja dan bekas pekerja ladang di bawah DUN Kota Damansara N39 iaitu Ladang Elmina.
- b) Di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) majikan digalakkan menyediakan perumahan kepada pekerja di dalam kawasan perladangan. Kelayakan bagi menduduki perumahan yang disediakan hanyalah kepada pekerja yang masih pekerja dengan majikan tersebut. Pekerja akan hilang kelayakan menduduki perumahan dan semua faedah yang disediakan oleh majikan apabila kontrak pekerjaan tamat.

Namun, dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat ladang, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta di bawah Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) di mana skim ini adalah satu bentuk dana pusingan untuk membantu pekerja ladang memiliki rumah sendiri.

Oleh demikian, program SKRE ini adalah salah satu usaha kerajaan untuk membantu pekerja tersebut memiliki rumah sendiri bagi menangani isu ini. Namun, skim ini kurang mendapat sambutan dalam kalangan pekerja ladang walaupun promosi telah dijalankan. Kekangan yang dikenal pasti dalam melaksanakan program ini adalah sukar mendapat rumah kos rendah bersesuaian dengan peruntukkan pembiayaan iaitu sebanyak RM150 000.

Oleh demikian, di kesempatan ini pihak Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor berhasrat untuk mendapatkan kerjasama dengan agensi berkaitan bagi

mendapatkan kuota rumah mampu milik kepada pekerja ladang yang layak dan berminat untuk menyertai skim ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMBERHENTIAN PEKERJAAN**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca pemberhentian pekerjaan untuk tempoh 5 tahun lalu (2015-2019)?
- b) Apakah sektor-sektor pekerjaan yang terlibat dalam tempoh 5 tahun lalu (2015-2019)?

**JAWAPAN:**

a) Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan majikan melaksanakan pemberhentian pekerja. Berdasarkan Borang Laporan Pemberhentian Pekerja 2004 (Borang PK) yang dikemukakan oleh majikan ke Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor, alasan-alasan pemberhentian pekerja adalah seperti berikut:-

- i. Kos pengeluaran meningkat
- ii. Kejatuhan permintaan dalam pasaran
- iii. Tukar sistem pengeluaran ke automasi
- iv. Sebahagian operasi pindah tempat lain
- v. Pengurangan pengeluaran
- vi. Penjualan syarikat
- vii. Penggulangan syarikat
- viii. Kejatuhan pasaran produk
- ix. Sukar mendapat pekerjaan
- x. Tiada permintaan produk/perkhidmatan
- xi. *Outsourcing*
- xii. Alasan-alasan lain yang tidak dinyatakan

b) Berdasarkan data Jabatan ini, aktiviti perniagaan utama majikan yang terlibat dalam tempoh 5 tahun iaitu 2015 hingga 2019 adalah seperti berikut:-

- i. Aktiviti hartanah
- ii. Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman
- iii. Aktiviti professional, saintifik dan teknikal
- iv. Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan
- v. Pendidikan

- vi. Perlombongan dan pengkuarian
- vii. Pengangkutan dan penyimpanan
- viii. Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial
- ix. Kesenian, hiburan dan rekreasi
- x. Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan
- xi. Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara
- xii. Pembuatan
- xiii. Maklumat dan komunikasi
- xiv. Aktiviti kewangan dan insuran/takaful
- xv. Pertanian, perhutanan dan perikanan
- xvi. Pembinaan
- xvii. Aktiviti perkhidmatan lain
- xviii. Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal
- xix. Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KEWUJUDAN PEKERJAAN**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah serta sektor pekerjaan yang telah berjaya diwujudkan untuk setiap tahun dalam tempoh 5 tahun lalu (2015-2019)?
- b) Berapakah jumlah serta sektor pekerjaan yang telah berjaya diwujudkan dan dipenuhi untuk setiap tahun dalam tempoh 5 tahun lalu (2015-2019)?
- c) Apakah mekanisma yang telah, sedang dan akan digunakan untuk memenuhi kekosongan pekerjaan-pekerjaan tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Statistik guna tenaga suku tahunan diperoleh daripada Survei Guna Tenaga (SGT) yang dilaksanakan secara suku tahunan ke atas pertubuhan formal dalam sektor swasta meliputi kesemua aktiviti utama ekonomi. Reka bentuk pensampelan bagi survei ini adalah bagi mengukur statistik mengikut kategori industri di peringkat nasional. Oleh itu, statistik di peringkat negeri tidak tersedia melalui survei tersebut.

Berdasarkan Laporan Statistik Guna Tenaga Suku Tahun Keempat 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jawatan merujuk kepada hasil tambah jawatan diisi dan kekosongan. Jawatan sektor swasta meningkat sebanyak 249 ribu dari tahun 2015 kepada 8,661 ribu pada 2019. Pada tahun 2019, dari segi kemahiran, jawatan kategori mahir terdiri daripada 24.3% pada 2019 manakala kategori separuh mahir terdiri daripada 62.4%. Mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terdiri daripada 51.6% daripada jawatan. Perincian statistik jawatan mengikut aktiviti ekonomi dan kemahiran adalah seperti di Lampiran 1.

Jumlah kekosongan di Malaysia pada tahun 2018 dan 2019 adalah dalam lingkungan 197 ribu hingga 198 ribu. Dari segi kemahiran, lebih 50% kekosongan jawatan dalam kategori separuh mahir. Sebahagian besar kekosongan jawatan

adalah di sektor Pembuatan dengan 109 ribu pada tahun 2019. Perincian statistik kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi dan kemahiran adalah seperti di Lampiran 2.

Berdasarkan Laporan Statistik Guna Tenaga Suku Tahun Keempat 2019 yang dikeluarkan DOSM, pewujudan jawatan pada tahun 2018 adalah 101 ribu manakala pada tahun 2019 adalah 104 ribu. Pewujudan jawatan bagi kategori mahir pada tahun 2019 adalah 43% diikuti 49.2% bagi separuh mahir. Mengikut sektor ekonomi pada tahun 2019, 49.2% pewujudan jawatan di sektor Perkhidmatan. Perincian statistik pewujudan jawatan mengikut ekonomi dan kemahiran adalah seperti di Lampiran 3.

Kadar jawatan diisi ialah bilangan jawatan diisi berbanding jawatan yang dilaporkan dalam bentuk peratus. Secara keseluruhannya kadar kekosongan mencatat julat daripada 97.2% hingga 97.7%. Pada 2019 kadar jawatan diisi adalah 97.7%. Kadar jawatan diisi bagi kategori mahir adalah 97.7% manakala separuh mahir adalah 98.0%. Mengikut sektor ekonomi, kadar jawatan diisi paling tinggi ialah bagi sektor Perlombongan dan Pengkuarian dengan 99.7% diikuti 99.2% bagi sektor Perkhidmatan. Perincian statistik kadar jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi dan kemahiran adalah seperti di Lampiran 4.

Statistik guna tenaga suku tahunan diperoleh daripada Survei Guna Tenaga (SGT) yang dilaksanakan secara suku tahunan ke atas pertubuhan formal dalam sektor swasta meliputi kesemua aktiviti utama ekonomi. Penyusunan statistik ini adalah berdasarkan rangka kerja dan garis panduan yang disyorkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organisation* (ILO) dan amalan terbaik organisasi statistik negara lain.

Statistik utama dari sudut permintaan buruh iaitu jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan telah diterbitkan secara suku tahunan berdasarkan survei ini mulai suku tahun rujukan pertama 2015 dalam laporan Statistik Guna Tenaga.

Statistik yang dilaporkan adalah mengikut lima (5) sektor utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan yang mana turut memaparkan statistik mengikut kemahiran.

Jawatan merujuk kepada jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu yang merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.



Jawatan diisi merujuk kepada individu yang bekerja pada akhir bulan setiap suku tahun.

**Termasuk:**

- Pekerja sepenuh masa dan separuh masa;
- Pekerja tetap, sementara atau bermusim;
- Pekerja bergaji bulanan dan pekerja yang dibayar gaji berdasarkan jam bekerja;
- Pekerja yang sedang bercuti jangka pendek seperti cuti sakit atau cuti rehat; dan
- Pekerja yang baru diambil bagi mengisi kekosongan pada suku tahun berkenaan.

**Pekerja sepenuh masa**

Pekerja sepenuh masa merujuk kepada mereka yang biasanya bekerja untuk sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan/ atau 20 hari sebulan.

**Pekerja sambilan**

Pekerja sambilan merujuk kepada mereka yang biasanya bekerja untuk kurang daripada 6 jam sehari dan/ atau kurang daripada 20 hari sebulan.

**Tidak termasuk:**

- Pemilik perseorangan dan rakan niaga;
- Pekerja keluarga tanpa gaji;
- Pekerja yang terlibat dalam mogok sepanjang suku tahun berkenaan;
- Pekerja yang bercuti tanpa gaji sepanjang suku tahun berkenaan; dan
- Pekerja yang dibekalkan oleh agensi lain seperti subkontraktor dan perunding.

Kekosongan merujuk kepada jawatan yang belum diisi pada akhir setiap suku tahun. Sesuatu jawatan dianggap kosong jika memenuhi kriteria berikut:

- Sesuatu jawatan wujud dan tersedia untuk diisi. Jawatan tersebut termasuk sepenuh masa/ separuh masa, tetap, sementara atau bermusim;
- Kerja tersebut boleh bermula dalam tempoh masa 30 hari sekiranya calon yang sesuai diperoleh dalam tempoh tersebut; dan
- Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon termasuk membuat pengiklanan mengenai kekosongan jawatan, mengeluarkan notis,

memaklumkan kepada agensi pekerjaan awam, swasta atau kesatuan pekerja serta telah/ akan menghubungi, menemu ramah atau memilih pemohon yang telah membuat permohonan.

**Tidak termasuk:**

- Kekosongan yang hanya boleh diisi oleh pekerja sedia ada kerana pertukaran dalaman, kenaikan atau penurunan pangkat, atau panggilan semula selepas diberhentikan;
- Jawatan yang dijangka akan diisi dalam tempoh lebih daripada 30 hari;
- Jawatan yang telah diisi tetapi pekerja tersebut belum melapor diri; dan
- Jawatan yang akan diisi oleh pekerja yang dibekalkan oleh agensi lain seperti subkontraktor dan perunding.

Kekosongan adalah statistik stok pada sesuatu masa. Oleh itu, kekosongan pada suku keempat 2019 mewakili kekosongan pada tahun 2019.

Pewujudan jawatan merujuk kepada jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.

Pewujudan jawatan adalah statistik kumulatif. Pewujudan jawatan pada tahun 2019 adalah hasil tambah pewujudan jawatan suku tahun pertama sehingga suku keempat 2019.

Reka bentuk pensampelan bagi SGT adalah di peringkat nasional. Oleh itu statistik di peringkat negeri tidak tersedia melalui survei tersebut.

- c) JobsMalaysia sentiasa aktif sepanjang tahun dalam memberikan perkhidmatan pekerjaan secara percuma kepada rakyat samada pihak pencari kerja mahupun majikan. Untuk makluman, antara aktiviti-aktiviti yang kerap dijalankan ialah temuduga terbuka, karnival kerjaya, ceramah kerjaya, pameran kerjaya dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : TANAH PERKUBURAN PUSARA AMAN - KAMPUNG MELAYU SUBANG**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa ruang tanah perkuburan tersebut mencukupi untuk tempoh akan datang ?

**JAWAPAN:**

- a) Tapak kubur berkenaan dianggarkan masih boleh menempatkan sebanyak 1,000 plot kubur mengambil kira trend penggunaan plot semasa. Baki plot kubur berkenaan dijangka penuh sepenuhnya pada pertengahan tahun 2021.

Bagi menyelesaikan perkara berkenaan, masyarakat Islam di sekitar kawasan Kg. Melayu Subang, Elmina dan sekitarnya boleh dikebumikan di satu tapak Perkuburan Islam Bersepadu yang terletak di Elmina seluas 30 ekar yang telah diserahkan oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri untuk diwartakan. Pihak JAIS akan berbincang dengan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi menyelaraskan pengurusan tapak perkuburan Islam berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS - PERSIARAN CAKERAWALA SEKSYEN U5**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan bahawa persiaran tersebut tidak mengalami masalah kesesakan lalulintas yang kerap berlaku kerana jalan sempit?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis telah mengadakan perbincangan dengan Lembaga Getah Malaysia untuk cadangan membina jalan alternatif baru memandangkan sebahagian rezab Persiaran Cakerawala telah menjadi tapak warisan negara. Pihak Lembaga Getah Malaysia telah mencadangkan pembinaan jalan alternatif baru iaitu Persiaran Camargoana yang melalui kawasan Lembaga Getah Malaysia dan bersambung ke pembangunan Kwasa Land. Kebenaran merancang projek tersebut telah diluluskan pada 6 Disember 2017. Status terkini projek tersebut masih di dalam tindakan Lembaga Getah Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : RUMAH BIDAN KERAJAAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang kuasa dalam pengendalian Rumah Bidan Kerajaan/ Klinik Desa di bawah Selangor? Jika ya, sila nyatakan.
- b) Sila senaraikan jumlah Rumah Bidan Kerajaan/ Klinik Desa yang wujud di bawah Negeri Selangor.
- c) Sekiranya di kawasan ataupun sekitar kawasan DUN tidak mempunyai Rumah Bidan Kerajaan yang mampu menampung keperluan warga Selangor, bagaimanakah kita dapat memohon supaya Rumah Bidan ini ditambah?

**JAWAPAN:**

- a) Pengendalian atau pengurusan Rumah Bidan Kerajaan/Klinik Desa adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.
- b) Negeri Selangor mempunyai **sebanyak 112 buah Klinik** seperti berikut:

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasiliti Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
1	21-10010124	Gombak	KD Kampung Kenanga	JKR-1, Jalan Ipoh Kg Baru 48000 Selangor
2	21-10010138	Gombak	KD Kundang	Jalan Sekolah, 48050 Kundang, Rawang Selangor
3	21-10010165	Gombak	KD Selayang Baru	Jalan 9 Selayang Baru 68100 Batu Cave Selangor
4	21-10010185	Gombak	KD Sungai Serai	Lorong Serai 2, Kg Sungai Serai, Kuang, Rawang Selangor
5	21-10020085	Hulu Langat	KD Bangi Lama	Jalan Besar Bangi, 43000 Kajang

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasiliti Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
6	21-10020089	Hulu Langat	KD Batu 18	Batu 18, 43200 Hulu Langat
7	21-10020095	Hulu Langat	KD Broga	Broga, 43500 Semenyih
8	21-10020105	Hulu Langat	KD Dusun Tua	Batu 16, 43200 Hulu Langat
9	21-10020114	Hulu Langat	KD Kampong Padang	43100 Hulu Langat
10	21-10020161	Hulu Langat	KD Rinching Hilir	Rinching Hilir, 43000 Semenyih
11	21-10020188	Hulu Langat	KD Sungai Tekali	Sungai Tekali, 43200 Hulu Langat
12	21-10020221	Hulu Langat	KD Sungai Lalang	Sungai Lalang, 43500 Semenyih
13	21-10020222	Hulu Langat	KD Minangkabau	Minangkabau, 43700 Beranang
14	21-10020229	Hulu Langat	KD Sungai Ramal Luar	Jalan Mentri, Sg Ramal Luar, Kajang
15	21-10020230	Hulu Langat	KD Sungai Lui	Bt 21, Hulu Langat
16	21-10030086	Hulu Selangor	KD Batang Kali	44300 Batang Kali, Hulu Selangor
17	21-10030107	Hulu Selangor	KD Gedangsa	Felda Gedangsa, 44020 Kuala Kubu Baru Hulu Selangor
18	21-10030108	Hulu Selangor	KD Genting Malek	Genting Malek, 44300 Hulu Selangor

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasilitas Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
19	21-10030111	Hulu Selangor	KD Hulu Rening	Hulu Rening, 44300 Hulu Selangor
20	21-10030121	Hulu Selangor	KD Kampung Gesir Tengah	Kampung Gesir Tengah, 44020 Hulu Selangor
21	21-10030136	Hulu Selangor	KD Kerling	44100 Kerling, Hulu Selangor
22	21-10030137	Hulu Selangor	KD Kg Gurney	Kampung Gurney, 44300 Hulu Selangor
23	21-10030177	Hulu Selangor	KD Sungai Buaya	48010, Rawang Hulu Selangor
24	21-10030189	Hulu Selangor	KD Sungai Tengi	44010 Hulu Selangor
25	21-10030191	Hulu Selangor	KD Sungai Tengi Selatan	44010 Kuala Kubu Baru, Hulu Selangor
26	21-10030200	Hulu Selangor	KD Hulu Bernam	Hulu Bernam, 35900 Tanjung Malim
27	21-10030202	Hulu Selangor	KD Ulu Yam Lama	44300 Batang Kali, Hulu Selangor
28	21-10040082	Klang	KD Sungai Lima	Sungai Lima, 42490 Pulau Ketam
29	21-10040083	Klang	KD Bagan Teochew	Bagan Teochew, 42490 Pulau Ketam
30	21-10040091	Klang	KD Batu Belah	Jalan Istimewa, Kg. Batu Belah, 41050 Klang
31	21-10040100	Klang	KD Bukit Kapar	Jalan Iskandar, Bukit Kapar, 42200 Kapar Klang

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasiliti Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
32	21-10040112	Klang	KD Jalan Kebun	Batu 7, Jalan Kebun, 42450 Klang
33	21-10040122	Klang	KD Kampung Jawa	Batu 2, Jalan Kota Raja, 41000 Klang
34	21-10040127	Klang	KD Kampung Nenas	Jalan Kopi, 42200 Kapar
35	21-10040128	Klang	KD Kampung Pendamar	JKR 1229A, Off Jalan Banting, Kampung Pendamar, 42000 Pel. Klang
36	21-10040133	Klang	KD Kampung Tok Muda	Batu 12 1/2, Kampung Tok Muda, 42200 Kapar, Klang
37	21-10040145	Klang	KD Padang Jawa	Jalan Padang, Padang Jawa, 41300 Klang
38	21-10040166	Klang	KD Sementa	Batu 6, Jalan Sementa, Jalan Kapar 42260 Kapar
39	21-10040186	Klang	KD Sungai Serdang	Batu 13 1/2, Kampung Sungai Serdang, 42200 Kapar, Klang
40	21-10040192	Klang	KD Sungai Udang	Lot 2183, jalan Sungai Udang, 41150 Klang
41	21-10040194	Klang	KD Telok Gong	Jalan Telok Gong, Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang
42	21-10040195	Klang	KD Telok Menegon	Batu 3 1/3, Off Jalan Kampung Jawa, 40460 Shah Alam.
43	21-10050092	Kuala Langat	KD Batu Laut	Batu Laut, 42800 Kuala Langat
44	21-10050120	Kuala Langat	KD Kampung Endah	Kampung Endah, 42700 Kuala Langat



<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasiliti Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
45	21-10050123	Kuala Langat	KD Kampung Jenjarom	Kampung Jenjarom, 42600 Kuala Langat
46	21-10050125	Kuala Langat	KD Kampung Medan	Kampung Medan, 42700 Banting
47	21-10050134	Kuala Langat	KD Kanchong Tengah	Kanchong Tengah, 42700 Banting
48	21-10050135	Kuala Langat	KD Kelanang	42700 Banting, Kuala Langat
49	21-10050139	Kuala Langat	KD Kundang	42800 Tanjung Sepat, Kuala Langat
50	21-10050140	Kuala Langat	KD Labohan Dagang	JKR 456, Kuarters Labohan Dagang, 42700 Banting Selangor
51	21-10050143	Kuala Langat	KD Morib	42700 Banting, Kuala Langat
52	21-10050144	Kuala Langat	KD Olak Lempit	Olak Lempit, 42700 Banting
53	21-10050155	Kuala Langat	KD Permatang Pasir	Permatang Pasir, 42700 Banting
54	21-10050169	Kuala Langat	KD Sijangkang Dalam	Sijangkang Dalam, Teluk Panglima Garang, 42500 Kuala Langat
55	21-10050170	Kuala Langat	KD Sijangkang Luar	Sijangkang Luar, Teluk Panglima Garang, 42500 Kuala Langat
56	21-10050173	Kuala Langat	KD Sri Cheeding	Sri Cheeding, 42700 Banting
57	21-10050178	Kuala Langat	KD Sungai Buaya	42700 Banting, Kuala Langat, Selangor

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasilitas Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
58	21-10050182	Kuala Langat	KD Sungai Kelambu	Jalan Semarak 1, Kg Sungai Kelambu 42700 Banting, Selangor
59	21-10050199	Kuala Langat	KD Tumbok Darat	JKR 1327, Jalan Tumbok Darat, Kg Tumbok Darat Tanjung Sepat, 42800 Kuala Langat Selangor
60	21-10050224	Kuala Langat	KD Telok Bunut	42700 Banting, Selangor
61	21-10060080	Kuala Selangor	KD Asam Jawa	Jalan Bukit Rotan, 45700 Bukit Rotan Kuala Selangor, Selangor
62	21-10060081	Kuala Selangor	KD Bagan Pasir	Jalan Bagan Pasir, 45500 Tanjong Karang
63	21-10060093	Kuala Selangor	KD Berjuntai Bistari	Kampung Bestari Jaya, 45600 Bestari Jaya
64	21-10060096	Kuala Selangor	KD Bukit Badong	Jalan Dato' Karjan, 45600 Kuala Selangor
65	21-10060098	Kuala Selangor	KD Bukit Belimbing	Bukit Belimbing, 45000 Kuala Selangor
66	21-10060101	Kuala Selangor	KD Bukit Kerayong	JKR 177, Jalan Sekolah 42200 Kapar, Klang
67	21-10060102	Kuala Selangor	KD Bukit Kuching	45800 Jeram, Kuala Selangor
68	21-10060153	Kuala Selangor	KD Pasir Penambang	Pasir Penambang, 45000 Kuala Selangor
69	21-10060158	Kuala Selangor	KD Puncak Alam	89 Lorong Naluri Sukma 8/14 Bandar Puncak Alam, 45010 Kuala Selangor
70	21-10060159	Kuala Selangor	KD Raja Musa	Bt 8 Jalan Raja Musa 45600 Bestari Jaya, Kuala Selangor

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasiliti Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
71	21-10060164	Kuala Selangor	KD Sawah Sempadan	45500 Tanjung Karang, Kuala Selangor
72	21-10060174	Kuala Selangor	KD Sri Tiram Jaya	Sri Tiram Jaya, 45500 Tanjong Karang
73	21-10060179	Kuala Selangor	KD Sungai Burung	Batu 12, Jalan Bernam 45500 Tanjung Karang, Selangor
74	21-10060181	Kuala Selangor	KD Sungai Gulang-Gulang	Jalan Sungai Gulang-Gulang, 45500 Tanjung Karang
75	21-10060184	Kuala Selangor	KD Sungai Sembilang	45800 Jeram, Kuala Selangor
76	21-10060187	Kuala Selangor	KD Sungai Sireh	Kampung Sungai Sireh, 45500 Tanjong Karang
77	21-10060198	Kuala Selangor	KD Tiram Setia	45500 Tanjung Karang, Kuala Selangor
78	21-10060225	Kuala Selangor	KD Parit Empat	Ban 2, 45500 Tanjung Karang, Selangor
79	21-10060226	Kuala Selangor	KD Kampung Kuantan	45600 Kuala Selangor
80	21-10060227	Kuala Selangor	KD Jaya Setia	45600 Bestari Jaya, Kuala Selangor
81	21-10070119	Petaling	KD Kampung Damansara	Jln.17A/9 Seksyen 17
82	21-10070126	Petaling	KD Kampung Melayu Subang	Jln Merbau Kg. Melayu, Subang 40150 Shah Alam
83	21-10070142	Petaling	KD Merbau Sempak	Bt18, Jln Kuala Selangor, 47000 Sungai Buloh

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasilitas Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
84	21-10080090	Sabak Bernam	KD Batu 4 Sepintas	Jalan Sekolah, 45200 Sabak Bernam
85	21-10080115	Sabak Bernam	KD Kampung Banting	Jalan Kg. Banting, 45100 Sungai Air Tawar, Sabak Bernam
86	21-10080116	Sabak Bernam	KD Kampung Baru	Jalan Kg. Baru, 45100 Sabak Bernam
87	21-10080117	Sabak Bernam	KD Kampung Batu 38	Jalan Sekendi Batu 38, 45200 Sabak Bernam
88	21-10080129	Sabak Bernam	KD Kampung Sekendi	Jalan Batu 36, 452100 Sabak Bernam
89	21-10080131	Sabak Bernam	KD Kampung Sungai Pulai	Jalan Bagan Sg Pulai, 45200 Sabak Bernam
90	21-10080132	Sabak Bernam	KD Kampung Sungai Tengar	Jalan Besar Sg. Tengar, 45100 Sabak Bernam
91	21-10080141	Sabak Bernam	KD Lubuk Pusing	Jalan Pt. 13 Kg. Tok Khalifah, 45100 Sungai Besar Sabak Bernam
92	21-10080146	Sabak Bernam	KD Parit 12	Jalan Parit 12 Timur, 45300 Sungai Besar, Sabak Bernam
93	21-10080147	Sabak Bernam	KD Parit 4	Jalan Peket 20, Kampung Sg. Haji Dorani Jalan Pekan Selasa, 45300 Sungai Besar, Sabak Bernam
94	21-10080148	Sabak Bernam	KD Parit 6	Jalan Parit 6 Timur, 45300 Sungai Besar
95	21-10080149	Sabak Bernam	KD Parit 9 Sungai Besar	Jalan Parit 9 Barat 45300 Sungai Besar, Sabak Bernam
96	21-10080150	Sabak Bernam	KD Parit 9	Jalan Parit 9, Kg. Sg. Leman, 45400 Sekincan, Sabak Bernam

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasilitas Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
97	21-10080151	Sabak Bernam	KD Parit Baru Baroh	Jalan Bagan Parit Baru Baroh, 45100 Sungai Air Tawar, Sabak Bernam
98	21-10080152	Sabak Bernam	KD Pasir Panjang	Jalan Besar Pekan Pasir Panjang, 45400 Sekincan, Sabak Bernam
99	21-10080171	Sabak Bernam	KD Simpang 4	Jalan Bagan Nakhoda Omar, 45100 Sungai Air Tawar Sabak Bernam
100	21-10080180	Sabak Bernam	KD Sungai Burung	Jalan Pancang Bedena, 45300, Sabak Bernam
101	21-10080183	Sabak Bernam	KD Sungai Nibong	Jalan Besar Kg. Sg Nibong, 45400 Sekincan, Sabak Bernam
102	21-10080193	Sabak Bernam	KD Tebuk Mufrat	Batu 1, Jalan Feri, Jalan Tebuk Mufrat, 45100 Sungai Air Tawar
103	21-10080196	Sabak Bernam	KD Teluk Rhu	Jalan Besar Kg. Teluk Rhu, 45100 Sungai Air Tawar, Sabak Bernam
104	21-10090097	Selangor	KD Bukit Bangkong	43950 Sungai Pelek, Selangor
105	21-10090104	Selangor	KD Dato Abu Bakar Baginda	43000 Kajang
106	21-10090106	Selangor	KD Geching	Jalan Labu Lanjut
107	21-10090113	Selangor	KD Jenderam Hulu	Kampung Jenderam Hulu, 43800 Dengkil
108	21-10090157	Selangor	KD Pulau Meranti	47100 Puchong, Selangor
109	21-10090163	Selangor	KD RKT Sg. Merab Dalam	43000 Kajang

<b>Bil No</b>	<b>Kod Fasiliti Facility Code</b>	<b>Daerah District</b>	<b>Nama Name</b>	<b>Alamat Address</b>
110	21-10090168	Sepang	KD Sg. Merab Luar	43000 Kajang
111	21-10090176	Sepang	KD Sungai Buah	JKR 248, Batu 30, Jalan Kajang Dengkil
112	21-10090201	Sepang	KD Ulu Chucuh	43950 Sungai Pelek, Sepang

- c) Bagi penduduk kawasan dan sekitar DUN Bandar Utama boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan di sekitarnya seperti:
- i. Klinik Kesihatan Kelana Jaya
  - ii. Klinik Kesihatan Kota Damansara
  - iii. Klinik Komuniti Kaya Ara
  - iv. Klinik Komuniti Gugusan Semarak, Kota Damansara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : JALAN-JALAN DI BAWAH PENGENDALIAN PEMAJU**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sekiranya sesetengah jalan yang digunakan oleh orang awam masih di bawah pengendalian pemaju namun dalam keadaan yang tidak memuaskan, apakah kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri bagi memastikan pemaju menyelenggarakan jalan itu kepada keadaan yang lebih baik?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 15, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, pihak pemaju boleh diarahkan untuk membaiki sesuatu jalan persendirian dan tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan ke atas pemaju sekiranya gagal menyelenggara jalan tersebut. Oleh yang demikian, sekiranya jalan tersebut berada di bawah pengendalian pemaju kerana belum diserahkan dan masih berada di dalam tempoh tanggungan kecacatan iaitu setahun selepas CCC dikeluarkan maka, pemaju masih bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan. Sehubungan itu, PBT boleh mengarahkan pemaju untuk menyelenggarakan jalan itu kepada keadaan yang lebih baik. Dan sekiranya pemaju ingkar pihak Majlis akan menggunakan wang cagaran pemaju tersebut untuk membaiki pulih kerosakan tersebut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : MASALAH PENGURUSAN JMB DALAM ISU AIR (METER PUKAL)**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kini, masih terdapat pihak JMB yang tidak mampu menyelesaikan beberapa isu yang wujud, terutamanya di Rumah Pangsa. Salah satu isu adalah bila meter air masih merupakan meter pukal kerana pihak JMB tidak dapat mengumpul dana bagi proses penukaran ke meter individu. Pada masa sama, pihak JMB juga tidak mempunyai kuasa untuk memotong sumber air penduduk sekiranya penduduk tidak mahu membayar bil air. Kesannya, JMB semakin banyak berhutang dengan Air Selangor dan tidak mampu untuk berbuat apa-apa. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu kes seperti ini?
- b) Adakah kita boleh memperkasakan JMB dengan menyerahkan punca kuasa bagi memotong sumber air kepada pihak JMB? Sekiranya ya, bagaimana?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri dapat membantu untuk menyelesaikan hutang meter pukal dengan kaedah pembayaran secara berjadual sekiranya JMB/MC bekerjasama dengan Air Selangor melalui program migrasi Akaun Bekalan Air Meter Pukal kepada Akaun Bekalan Air Meter Individu.

Mengikut Akta Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) 2014, kos pengubahsuaian lengkapan air (tetiang meter) ini perlu ditanggung oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC).

Sekiranya JMB/ MC tidak mempunyai dana yang mencukupi, maka mereka perlu memberitahu para pemilik unit tentang kedudukan kewangan pengurusan bangunan melalui satu Mesyuarat Luar Biasa (EGM) supaya hutang dan kos penambahbaikan tetiang meter itu dapat ditanggung oleh para pemilik unit.

- b) Kuasa pemotongan bekalan air oleh JMB/MC terletak di bawah Penguatkuasaan dan Kawalselia Skim Strata, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) yang mana dirujuk di bawah Akta 757, Akta Pengurusan Strata 2013 yang dikuatkuasakan pada 2015.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Menurut maklumat daripada Kerajaan Negeri, jumlah peruntukan bagi projek-projek kecil Kampung Baru adalah sebanyak RM5 juta setahun. Bagaimanakah MPKK boleh memohon untuk peruntukan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Utama, menerusi Ucapan Belanjawan Tahun 2020 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, jumlah peruntukan bagi projek-projek kecil Kampung Baru adalah sebanyak RM4 juta. Semua permohonan projek-projek kecil oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru akan diselaraskan oleh Pegawai Perhubungan Perkampungan (PPP) setiap daerah atau Pengerusi MPKK boleh dihantar terus kepada Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru menggunakan borang yang telah disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : MAKLUMAT PIHAK SWASTA BERKAITAN DENGAN TEKNOLOGI HIJAU/  
BANDAR HIJAU**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa kerjasama ataupun projek usaha sama dengan pihak swasta (sebagai contoh syarikat teknologi hijau/ usahawan) dalam bergerak ke arah perbandaran mampan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat senarai nama-nama syarikat, usahawan, start-up (sebagai contoh: Thinkcity, Maeko, EcoKnights) wujud di bawah Selangor yang berkaitan dengan pembangunan bandar pintar dan hijau?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak swasta dalam melaksanakan agenda ke arah perbandaran mampan. Hubungan dan kerjasama strategik ini adalah bertujuan untuk menghasilkan impak positif serta manfaat kepada negeri dan rakyat khususnya di dalam pembangunan perbandaran mampan.

Sehubungan itu, PBT Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama bersama pemain-pemain industri dalam pelbagai sektor sebagai usaha untuk memastikan agenda pembangunan perbandaran mampan dapat dilaksanakan.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai nama syarikat yang menjalankan kerjasama dengan PBT di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>NAMA SYARIKAT/ USAHAWAN</b>
<b>MBPJ</b>	Mutiara Rini Sdn. Bhd; Global Environment Centre (GEC); Centre for Environment, Technology & Development, Malaysia (CETDEM); dan University Malaya Water Warriors.
<b>MPSJ</b>	System Consultancy Services (SCS); Eco Free Market; Industrial shredder & Dewatering Squeezer For Various Waste Recycling (TIM); MSD Innovation Sdn Bhd; KPT Recycle Sdn Bhd; TM One; dan Fraser &

<b>PBT</b>	<b>NAMA SYARIKAT/ USAHAWAN</b>
	Neave (F&N).
<b>MPK</b>	Tetuan Map2U Sdn. Bhd.; Tetuan KDEB Waste Management; dan Tetuan Ecocycle Sdn. Bhd.
<b>MPS</b>	Weimar Sdn. Bhd. dan Maeko Biotech Berhad.
<b>MPAJ</b>	Urbanice Malaysia; Ecocentric Transitions; dan Urbanxhub.
<b>MPKj</b>	TM One; GSPARX Solar; Setia Solutions dan Green Tech Corporation.
<b>MPSp</b>	SEDA Malaysia; Greentech; SSDU Innovation; Selangor Industrial Corporation; Allo Technology; NTT MSC Sdn Bhd; Cube Global; Tryke; GSPARX; Futurise; TnG Digital; Urban Farm Tech; Thinkcity; AVI Renewables; Helloworld Robotics; Smart Sel; TNB dan Lutah Resources.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : USAHA MENINGKATKAN BUDAYA DAN TEKNOLOGI HIJAU  
MASYARAKAT UMUM**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2020 bagi meningkatkan budaya dan teknologi hijau di kalangan masyarakat umum (RA/RT) bagi pembangunan mampan bersifat hijau?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2020 Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan budaya dalam kalangan masyarakat umum bagi memastikan pembangunan yang mampan dan bersifat hijau. Berikut adalah antara usaha yang telah dan akan dilakukan pada tahun 2020:
1. Melaksanakan program kesedaran amalan hijau bersama masyarakat setempat secara berkala serta penerapan elemen kejiranan hijau di dalam syarat kelulusan kebenaran merancang;
  2. Mengenakan syarat-syarat pembangunan untuk meningkatkan budaya dan teknologi hijau seperti penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) dalam projek perumahan dan menggalakkan penggunaan lampu jalan menggunakan sistem solar;
  3. Pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau dan Pembangunan Mampan di peringkat Kebangsaan dan Negeri;
  4. Melaksanakan program-program kesedaran berkaitan dengan pembangunan mampan bersifat hijau bagi meningkatkan budaya dan teknologi hijau di kalangan masyarakat;
  5. Mengadakan sesi *townhall* bersama *stakeholder* berkenaan *Smart & Low Carbon City*; dan
  6. Menggalakkan masyarakat membuat aktiviti kebun bandar atau kebun komuniti di kawasan-kawasan yang terbiar serta amalan kitar semula.